

08 MAR 1998

CUEPACS-Bersara

CUEPACS SOKONG LANGKAH KERAJAAN KAJI PERSARAAN PILIHAN

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- CUEPACS menyokong penuh langkah kerajaan mengkaji semula keputusan membekukan permohonan kakitangan awam untuk bersara awal mengikut skim persaraan pilihan, kata Setiausaha Agungnya N. Siva Subramaniam hari ini.

Langkah itu memang wajar memandangkan buat masa ini ramai kakitangan awam ingin membuat persaraan pilihan atas sebab-sebab tersendiri, katanya kepada pemberita selepas mengadakan mesyuarat bersama dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) di sini.

Siva Subramaniam mengulas kenyataan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman bahawa kerajaan sedang mengkaji perkara itu dan keputusan mengenainya akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali tidak lama lagi.

Pada 10 Disember lepas, Kabinet membuat keputusan menolak permohonan persaraan awal yang tidak mempunyai alasan kukuh.

Siva Subramaniam berkata antara sebabnya ramai kakitangan awam yang mendapat tawaran gaji tinggi di luar negara dan jika tidak membenarkan mereka bersara lebih awal, ini merugikan orang berkeenaan dan negara.

Beliau berkata sesetengah mereka pula mempunyai anak yang belajar di luar negara dan jika persaraan awal, wang ganjaran yang diperolehi boleh digunakan untuk membiayai anak untuk belajar.

Katanya tempat yang dikosongkan oleh mereka yang bersara awal boleh digantikan dengan pekerja baru.

Siva Subramaniam berkata selain masalah peribadi, sesetengah pekerja mempunyai masalah kesihatan yang memerlukan mereka berehat awal.

Beliau berkata CUEPACS juga akan menghantar memorandum kepada kerajaan minggu ini meminta melanjutkan umur persaraan wajib kepada kakitangan awam dinaikkan daripada 55 kepada 60 tahun.

Beliau berkata perkara ini penting kerana kerajaan telah belanja begitu banyak melatih kakitangannya tetapi ia tidak sempat menggunakan ilmu kepakaran itu sepenuhnya.

Menurut beliau, dengan melanjutkan umur persaraan, kerajaan tidak perlu menggunakan pekerja secara kontrak terutama dalam kepakaran tertentu.

Beliau berkata buat masa ini, jangka hayat rakyat Malaysia juga telah meningkat berbanding sebelum ini. -- BERNAMA

HT FAZ